



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 18 JUN 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6. 7. 8. 9.	MAFI MOHON PERCEPAT PEMVAKSINAN BARISAN HADAPAN SEKTOR PERTANIAN, BERNAMA -ONLINE PETANI, PENTERNAK DAN NELAYAN PERLU SEGERA DIVAKSIN, KOSMO -ONLINE PKP 3.0: INDUSTRI PADI, BERAS BEROPERASI 24 JAM, KAPASITI TENAGA KERJA PENUH - MAFI, ASTRO AWANI -ONLINE PKP 3.0: INDUSTRI PADI, BERAS BEROPERASI 24 JAM, KAPASITI TENAGA KERJA PENUH, UTUSAN BORNEO -ONLINE CADANGAN PEKEBUN DIBERI SUNTIKAN VAKSIN COVID-19 DIANGKAT KE KABINET, SH -ONLINE USUL PEKEBUN DISUNTIK VAKSIN KE KABINET, VAKSIN UNTUK RAKYAT, SH -8 PASARAN DIJANGKA STABIL SELEPAS SEKTOR PERTANIAN KEMBALI BEROPERASI, NASIONAL, SH -7 MAFI GESA PERCEPAT PEMBERIAN VAKSIN UNTUK BARISAN HADAPAN PERTANIAN, COVID-19, HM -12 PEKEBUN SAYUR LEGA, COVID-19, HM -12	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
10. 11. 12. 13.	4 PST FAMA CATAT JUALAN LEBIH RM400K, COVID-19, HM -12 LOCKDOWN: FAMA SETS UP CRISIS MANAGEMENT CENTRE, THE EDGE MARKET - ONLINE LOCKDOWN: FAMA SETS UP CRISIS MANAGEMENT CENTRE, KL SCREENER -ONLINE FAMA TO ADDRESS CAMARON HIGHLANDS VEGETABLES PRICE HIKE, SAYS DEPUTY MINISTER II, NEWS, TAMIL MALAR -5	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
14. 15.	MAQIS MERAMPAS 20 TAN WHEY PROTEIN, LOKAL, HM -4 MAQIS RAMPAS 20,000 KILOGRAM SUSU PROTEIN DARI AMERIKA, NEGERI PERLIS/JOHOR/PERAK, SH -28	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
16.	AGROBANK LULUS PEMBIAYAAN RM174J, BISNES, HM -23	AGROBANK
17.	SIN CHEW DAILY -ONLINE	KAWASAN PEMBANGUNAN PERTANIAN BERSEPADU (IADA)
18.	100 PESAWAH BIMBANG PADI ROSAK, DALAM NEGERI, UM -12	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/6/2021	BERNAMA	ONLINE	

MAFI mohon percepat pemvaksinan barisan hadapan sektor pertanian



KOTA BHARU, 17 Jun -- Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) mahu pemvaksinan ke atas barisan hadapan pertanian di seluruh negara dipercepat bagi memastikan golongan itu juga dilindungi daripada dijangkiti COVID-19.

Timbalan Menteri berkenaan Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata MAFI telah membangkitkan perkara itu kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.

Pemvaksinan ke atas golongan ini adalah satu keperluan bagi memastikan rantaian bekalan makanan negara tidak terganggu, katanya kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Pengembangan Pertanian Kebangsaan 2021 secara dalam talian di Ibu Pejabat Jabatan Pertanian Negeri Kelantan, di Lundang di sini hari ini.

Pada masa sama, beliau berkata pihaknya turut mengambil inisiatif membantu golongan berkenaan mendaftar melalui aplikasi MySejahtera, selain meminta mereka yang berkenaan tampil di pejabat pertanian berdekatan bagi pendaftaran.

Mengenai seminar berkenaan, Che Abdullah berkata seminar bertujuan memantapkan kemahiran ejen pengembangan Jabatan Pertanian dalam norma baharu yang tidak terikat dengan lawatan pengembangan atau secara bersemuka.

Jelasnya industri agromakanan telah menghadapi cabaran besar, khususnya pada peringkat awal pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) apabila kelancaran rantaian makanan terganggu, namun kini kerajaan berjaya memastikan keadaan terkawal dan bekalan makanan sentiasa mencukupi.

"... sekali gus menunjukkan perkhidmatan pengembangan yang diterajui Jabatan Pertanian adalah berkesan dalam memastikan pengeluaran bahan makanan yang berterusan dan selamat dimakan," katanya.

– BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/6/2021	KOSMO	ONLINE	

Petani, penternak dan nelayan perlu segera divaksin



KOTA BHARU – Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) mencadangkan kerajaan mempercepatkan pemberian vaksin Covid-19 kepada golongan petani, penternak dan nelayan di seluruh negara.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, kumpulan tersebut merupakan golongan barisan hadapan industri makanan negara yang berdepan risiko dijangkiti virus ketika di lapangan.

Katanya, bagi tujuan itu, MAFI sudah menghantar permohonan kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), namun belum diputuskan lagi setakat ini.

“Sehingga 2019, seramai 649,719 petani, penternak dan nelayan yang berdaftar dan ada antara mereka sudah menerima suntikan vaksin menerusi program imunisasi di peringkat komuniti.

“Bukan sahaja kakitangan agensi yang berkaitan, penternak, petani dan nelayan adalah golongan yang tidak terkecuali kerana masing-masing mempunyai tugas sendiri dalam memastikan rantaian makanan berterusan dalam tempoh pelaksanaan sekatan pergerakan penuh.

“Kita harus segerakan suntikan kerana mereka selalu turun padang berdepan dengan masyarakat dan terdedah kepada jangkitan Covid-19,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas Majlis Perasmian Seminar Pengembangan Pertanian Kebangsaan 2021 secara dalam talian di Jabatan Pertanian, Jalan Lundang di sini hari ini. –

K! ONLINE

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/6/2021	ASTRO AWANI	ONLINE	

PKP 3.0: Industri padi, beras beroperasi 24 jam, kapasiti tenaga kerja penuh - MAFI



Waktu operasi untuk pengusaha padi dan pengilang beras bagi semua aktiviti berkaitan industri itu kini dilanjutkan kepada 24 jam dengan kapasiti tenaga kerja pada tahap maksimum 100 peratus. - Gambar hiasan/BERNAMA

SHAH ALAM: Waktu operasi untuk pengusaha padi dan pengilang beras bagi semua aktiviti berkaitan industri itu kini dilanjutkan kepada 24 jam dengan kapasiti tenaga kerja pada tahap maksimum 100 peratus.

Menurut kenyataan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), perkara itu selaras lanjutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 yang berkuat kuasa 15 Jun lepas hingga 28 Jun ini.

"Ini berikutan pihak MAFI perlu memastikan aktiviti pengeluaran padi dan beras negara tidak terjejas dalam tempoh PKP 3.0 ketika ini, sekali gus menjamin kecukupan stok beras negara," demikian menurut kenyataan itu.

Menurut MAFI, pihaknya telah menambah baik prosedur operasi standard (SOP) bagi pengurusan industri padi dan beras yang merangkumi aktiviti penanaman padi, pembajakan dan penuaian padi, penyelenggaraan sawah dan perparitan serta penggunaan dron bagi tujuan penaburan benih dan kawalan penyakit.

Turut ditambah baik SOP aktiviti pengedaran input pertanian seperti baja dan benih padi kepada pesawah, pengoperasian kilang benih padi, kilang beras dan kilang membungkus beras, pengedaran dan logistik bagi tujuan pengedaran dan pemasaran beras serta kilang memproses produk berasaskan beras.

Sementara itu, MAFI berkata Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Barat Laut Selangor telah melakukan kawalan bersepadu terhadap serangan serangga perosak tanaman padi di kawasan Panchang Bedena dan Bagan Terap/Sungai Panjang dekat Sabak Bernam dengan kerjasama Jabatan Pertanian Negeri Selangor.

Menurut MAFI, serangan ulat pengorek batang dan ulat gulung daun itu berlaku pertengahan bulan lepas, melibatkan kawasan seluas 6,632.4 hektar sawah atau hampir 98 peratus daripada luas keseluruhan iaitu 6,805.2 hektar kawasan tersebut.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee turut turun padang hari ini bagi meninjau kawasan tanaman padi terlibat selain memastikan masalah serangan serangga perosak membabitkan tanaman padi di IADA Barat Laut Selangor ditangani dengan baik.

"MAFI melalui Tabung Bencana Tanaman Padi akan menyalurkan bantuan kepada pesawah terjejas oleh serangan makhluk perosak itu, tertakluk kepada penilaian jawatankuasa yang telah ditetapkan.

"MAFI juga merakamkan penghargaan kepada kerajaan negeri Selangor yang menyumbang RM1.05 juta bagi membantu kawalan serangan ulat pengorek batang dan ulat gulung daun ini," demikian menurut kenyataan itu.

-- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/6/2021	UTUSAN BORNEO	ONLINE	

PKP 3.0: Industri padi, beras beroperasi 24 jam, kapasiti tenaga kerja penuh

SHAH ALAM: Waktu operasi untuk pengusaha padi dan pengilang beras bagi semua aktiviti berkaitan industri itu kini dilanjutkan kepada 24 jam dengan kapasiti tenaga kerja pada tahap maksimum 100 peratus.

ADVERTISEMENT

Menurut kenyataan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), perkara itu selaras lanjutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 yang berkuat kuasa 15 Jun lepas hingga 28 Jun ini.

"Ini berikutan pihak MAFI perlu memastikan aktiviti pengeluaran padi dan beras negara tidak terjejas dalam tempoh PKP 3.0 ketika ini, sekali gus menjamin kecukupan stok beras negara," demikian menurut kenyataan itu.

Menurut MAFI, pihaknya telah menambah baik prosedur operasi standard (SOP) bagi pengurusan industri padi dan beras yang merangkumi aktiviti penanaman padi, pembajakan dan penuaian padi, penyelenggaraan sawah dan perparitan serta penggunaan dron bagi tujuan penaburan benih dan kawalan penyakit.

Turut ditambah baik SOP aktiviti pengedaran input pertanian seperti baja dan benih padi kepada pesawah, pengoperasian kilang benih padi, kilang beras dan kilang membungkus beras, pengedaran dan logistik bagi tujuan pengedaran dan pemasaran beras serta kilang memproses produk berasaskan beras.

Sementara itu, MAFI berkata Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Barat Laut Selangor telah melakukan kawalan bersepadu terhadap serangan serangga perosak tanaman padi di kawasan Panchang Bedena dan Bagan Terap/Sungai Panjang dekat Sabak Bernam dengan kerjasama Jabatan Pertanian Negeri Selangor.

Menurut MAFI, serangan ulat pengorek batang dan ulat gulung daun itu berlaku pertengahan bulan lepas, melibatkan kawasan seluas 6,632.4 hektar sawah atau hampir 98 peratus daripada luas keseluruhan iaitu 6,805.2 hektar kawasan tersebut.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee turut turun padang hari ini bagi meninjau kawasan tanaman padi terlibat selain memastikan masalah serangan serangga perosak membabitkan tanaman padi di IADA Barat Laut Selangor ditangani dengan baik.

"MAFI melalui Tabung Bencana Tanaman Padi akan menyalurkan bantuan kepada pesawah terjejas oleh serangan makhluk perosak itu, tertakluk kepada penilaian jawatankuasa yang telah ditetapkan.

"MAFI juga merakamkan penghargaan kepada kerajaan negeri Selangor yang menyumbang RM1.05 juta bagi membantu kawalan serangan ulat pengorek batang dan ulat gulung daun ini," demikian menurut kenyataan itu. -

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/6/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

Cadangan pekebun diberi suntikan vaksin Covid-19 diangkat ke kabinet



Ronald Kiandee

PUTRAJAYA - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) telah membawa cadangan supaya pekebun diberikan suntikan vaksin Covid-19 dalam masa terdekat kepada kabinet.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, tindakan itu diambil selaras dengan fungsi dan peranan mereka sebagai barisan hadapan sektor

agromakanan.

Menurut beliau, perkara itu juga turut diperincikan dan dibincangkan dalam satu sesi taklimat Program Vaksinansi Sektor Makanan yang diadakan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) kepada pengurusan tertinggi kementeriannya baru-baru ini.

"Sudah pasti saya sebagai menteri (MAFI) ingin melihat golongan nelayan, petani dan penternak ini diberikan suntikan vaksin dengan segera.

"Ini kerana golongan tersebut berada dalam kategori petugas barisan hadapan sektor ekonomi.

"Perkara ini jelas kerana sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pertama mereka tergolong dalam perkhidmatan perlu dan dibenarkan bekerja," katanya ketika ditemui Sinar Harian di kementeriannya di sini pada Rabu.

Bagaimanapun, Kiandee menjelaskan, beliau meletakkan sepenuh kepercayaan kepada MOSTI dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk membuat keputusan.

Sementara itu, dalam perkembangan lain, beliau turut memaklumkan MAFI melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) sentiasa mempergiatkan khidmat pemasaran hasil pertanian sama ada melalui belian langsung atau tidak langsung.

Menurutnya, langkah itu diambil bagi memastikan bekalan makanan negara kekal terjamin termasuklah dalam tempoh pandemik Covid-19 ketika ini.

"Selain keluaran hasil pertanian di satu-satu tempat pengeluaran, MAFI juga mempunyai usahawan pengeluar di seluruh negara melalui program Ladang Kontrak MAFI 2.0," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/6/2021	SINAR HARIAN	WARISAN UNTUK RAKYAT	8

Usul pekebun disuntik vaksin ke kabinet

Pekebun dan penternak disifatkan berada dalam kelompok frontliners sektor agromakanan

Oleh NURUL HUDA HUSAIN dan SITI FATIHAH AWANG

PUTRAJAYA

Kementeri-an Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) membawa cadangan supaya pekebun diberikan suntikan vaksin Covid-19 dalam masa terdekat kepada kabinet.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, tindakan itu diambil selaras dengan fungsi dan peranan mereka sebagai barisan hadapan sektor agromakanan.

Menurut beliau, perkara itu juga diperincikan dan dibincangkan dalam satu sesi taklimat Program Vaksinasi Sektor Makanan yang diadakan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) kepada pengurusan tertinggi kementeriannya baru-baru ini.

"Sudah pasti saya sebagai menteri (MAFI) ingin melihat golongan nelayan, petani dan penternak dibe-

rikan suntikan vaksin dengan segera.

"Golongan tersebut berada dalam kategori petugas barisan hadapan sektor ekonomi."

"Perkara itu jelas kerana sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pertama, mereka tergolong dalam perkhidmatan perlu dan dibenarkan bekerja," katanya ketika ditemui *Sinar Harian* di kementeriannya di sini pada Rabu.

Bagaimanapun, Ronald menjelaskan, beliau meletakkan sepenuh kepercayaan kepada MOSTI dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk membuat keputusan.

Dalam perkembangan lain, beliau memaklumkan MAFI melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) sentiasa mempergiatkan khidmat pemasaran hasil pertanian sama ada melalui belian langsung atau tidak langsung.

Katanya, langkah itu diambil bagi memastikan bekalan makanan negara kekal terjamin termasuklah dalam tempoh pandemik Covid-19 ketika ini.

"Selain keluaran hasil pertanian di satu-satu tempat pengeluaran, MAFI mempunyai usahawan pengeluar di seluruh negara melalui program Ladang Kontrak MAFI 2.0," katanya.

Di KELANTAN, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi yang senada dengan Ronald menjelaskan bahawa langkah vaksinasi golongan petani dan penternak sangat penting kerana



Abdullah (kanan) mengikuti seminar dalam talian tersebut di Kompleks Pertanian Lundang, Kelantan pada Khamis.

mereka merupakan kelompok yang terdedah dengan pelbagai risiko.

"Sehingga tahun 2019, jumlah petani berdaftar dengan kementerian melalui pelbagai agensi ialah seramai 455,437, manakala penternak pula 42,879 orang dan nelayan, 150,676 orang," katanya pada Khamis.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Seminar Pengembangan Pertanian Kebangsaan 2021 bertemakan Pendekatan Pengembangan Dalam Norma Baharu secara talian di Bahagian Kejuruteraan Pertanian, Ibu Pejabat Jabatan Pertanian Negeri, Kompleks Pertanian Lundang di sini.

Che Abdullah berkata, seminar tersebut bertujuan memantapkan kema-

hiran ejen pengembangan Jabatan Pertanian ke arah norma baharu.

Jelasnya, ejen pengembangan ketika ini tidak lagi terikat dengan amalan melalui lawatan pengembang-

an atau secara bersemuka.

"Industri agromakanan menghadapi cabaran besar, khususnya pada peringkat awal pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) apabila kelancaran rantaian makanan terganggu antaranya pengeluaran, pengedaran dan peruncitan produk hasil pertanian dan industri makanan."

"Namun, kerajaan pada hari ini berjaya memastikan keadaan sentiasa terkawal dan makanan untuk rakyat berada dalam keadaan yang mencukupi serta stabil," katanya.

MENDEPANI KRISIS COVID-19: APA TINDAKAN KITA?



RONALD

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/6/2021	SINAR HARIAN	NASIONAL	7

Pasaran dijangka stabil selepas sektor pertanian kembali beroperasi

SHAH ALAM

- Harga sayur dijangka kembali stabil selepas kerajaan membenarkan sektor pertanian dan rantaianya di Cameron Highlands, Pahang beroperasi walaupun dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).

Setiausaha Agung Persekutuan Persatuan-Persatuan Pekebun Sayur Malaysia, Chay Ee Mong berkata, namun ia memerlukan masa beberapa hari lagi memandangkan baru hari Khamis petani dibenarkan kembali ke ladang selain perlu menguruskan pengangkutan bagi membawa keluar bekalan sayur.

“Kita belum boleh jamin pengeluaran penuh memandangkan ada petani yang mengetahui pengumuman tersebut lewat selain masih terdapat beberapa sekatan dan ada pekerja diminta untuk melakukan ujian saringan Covid-19

HARGA SAYUR DARI CAMERON HIGHLANDS MELAMBUNG

sebelum dibenarkan masuk ke ladang.

“Jika ladang dibenarkan ber-

operasi dalam lingkungan 70 hingga 80 peratus sudah memadai untuk membekalkan sayur-sayuran ke seluruh Semenanjung Malaysia.

“Apabila bekalan cukup, harga kembali stabil seperti biasa,” katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* pada Khamis.

Walaupun bagaimanapun, ujar Ee Mong, akan ada sesetengah sayur seperti kacang mengalami peningkatan harga.

Beliau berkata lagi, situasi itu disebabkan faktor cuaca dan tenaga manusia yang berkurangan kebelakangan ini.

“Di sini (Cameron Highlands), cuaca sekarang kerap hujan, jadi petani akan berdepan dengan masalah untuk menanam sayur kacang yang mana memerlukan banyak pengurusan berbanding sayur lain,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/6/2021	HARIAN METRO	COVID-19	12

Mafi gesa percepat pemberian vaksin untuk barisan hadapan pertanian

Kota Bharu: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) mahu pemvaksinan ke atas barisan hadapan pertanian di seluruh negara dipercepat bagi memastikan golongan itu juga dilindungi daripada dijangkiti Covid-19.

Timbalan Menteri berkenaan Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata Mafi sudah membangkitkan perkara itu kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.

Pemvaksinan ke atas golongan ini adalah satu keperluan bagi memastikan rantaian bekalan makanan negara tidak terganggu, ka-



CHE Abdullah

tanya kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Pengembangan Pertanian Kebangsaan 2021 secara da-

lam talian di Ibu Pejabat Jabatan Pertanian Negeri Kelantan di Lundang di sini, semalam.

Pada masa sama, beliau berkata pihaknya turut mengambil inisiatif membantu golongan berkenaan mendaftar melalui aplikasi MySejahtera, selain meminta mereka yang berkenaan tampil di pejabat pertanian berdekatan bagi pendaftaran.

Mengenai seminar berkenaan, Che Abdullah berkata seminar bertujuan memantapkan kemahiran ejen pengembangan Jabatan Pertanian dalam norma baharu yang tidak terikat dengan la-

watan pengembangan atau secara bersejema.

Jelasnya industri agromakanan menghadapi cabaran besar, khususnya pada peringkat awal pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) apabila kelancaran rantaian makanan terganggu namun kini kerajaan berjaya memastikan keadaan terkawal dan bekalan makanan sentiasa mencukupi.

"...sekali gus menunjukkan perkhidmatan pengembangan yang diterajui Jabatan Pertanian adalah berkesan dalam memastikan pengeluaran bahan makanan yang berterusan dan selamat dimakan," katanya.

4 PST Fama catat jualan lebih RM400k

Kuantan: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) Pahang mencatat jualan lebih RM408,120 di empat Pasar Segar Terkawal (PST) yang diadakan berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0.

Program jualan selama dua minggu bermula 1 Jun lalu menggunakan sistem pandu lalu menawarkan harga lima hingga 20 peratus lebih murah pelbagai hasil pertanian, ternakan dan ikan air tawar.

Pengarahnya Noh Nik Wan berkata, empat PST di negeri ini membabitkan PST Pejabat Fama Pahang di Batu Lima, PST Jerantut, PST Pekan dan PST Chini.

PST Bera hanya dikhususkan untuk jualan secara

borong sahaja.

Menurutnya, sejak dibuka seramai 2,400 pengguna berkunjung ke PST bagi mendapatkan pelbagai barangan keperluan, mereka datang menggunakan 715 kenderaan yang lalu di hadapan setiap gerai jualan disediakan.

Katanya, PST Jerantut meraih jualan tertinggi dengan jumlah RM145,390 diikuti PST Pejabat Fama Pahang (RM127,340), PST Chini (RM60,410), PST Bera (RM42,180) dan PST Pekan (RM32,800).

Seramai 115 peniaga berniaga disemua empat PST di negeri ini, mereka menjual pelbagai barangan segar seperti sayuran, buah-buahan, daging segar dan ikan.

Pekebun sayur lega

Kerajaan izin sektor pertanian di lokaliti PKPD beroperasi



PEKERJA kebun sayur, Kardif Mullah, 40, mengutip sayur jenis brokoli di ladang Sungai Mensun, Brinchang, semalam.

Oleh Muhammad Zulsyamini Sufian Suri am@hmetro.com.my

Cameron Highlands

Keputusan kerajaan membenarkan sektor pertanian serta rantaianya terus beroperasi di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) melegakan pemain industri itu khususnya dalam kalangan petani dan pekerja sektor berkenaan.

Setiasaha Agung Persekutuan Persatuan-Persatuan Pekebun Sayur Malaysia Chay Ee Mong berkata, ia dapat menyelesaikan gangguan bekalan sayur bagi pasaran dan rangkaian pasar tertentu membabitkan pembekal dari Cameron High-

lands.

Katanya, PKPD di sekitar kawasan Kampung Raja di sini, yang turut meliputi kawasan Blue Valley dan Kampung Sungai Ikan menyebabkan kira-kira 60 peratus daripada keseluruhan pengeluaran sayur di Cameron Highlands terjejas, sekali gus menyebabkan peningkatan harga di seluruh negara.

"Kenalkan harga sayur sehingga 40 peratus disebabkan oleh teori permintaan dan penawaran memandangkan petani dan pekerja sebahagian besarnya tinggal di kawasan PKPD di Cameron Highlands, sekali

gus tidak boleh ke kebun untuk menuai hasil atau bekerja, begitu juga lozi pengangkut hasil.

"Sekarang kita tunggu sahaja prosedur operasi standard (SOP) rasmi terbaharu berkenaan penetapan operasi sektor pertanian di kawasan PKPD. Saya harap petani dan pekerja bersabar dan tidak tergesa-gesa.

"Kita tidak mahu petani ambil risiko melalui pembukaan sektor ini sehingga mempertikai tindakan penguat kuasa yang bertungkus-lumus cuba mengawal penularan Covid-19 di kawasan terhabat. Jika kes

meningkat, kita terpaksa tutup kawasan pertanian sekali lagi," katanya.

Kelmarin, Menteri Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) Datuk Seri Dr Ronald Kiang pada kenyataan memaklumkan sektor pertanian dan rantaianya merangkumi sektor florikultur dan bunga hiasan dibenarkan beroperasi di kawasan PKPD serta dimasukkan sebagai perkhidmatan perlu.

Dalam pada itu, Ee Mong berkata, lebih 580 pekebun mendiami kawasan Kampung Raja membabitkan keluasan tanah pertanian untuk tanaman sayur antara 1,618.7 hingga 2,023.4 hektar, menjadikan 60 peratus hasil pertanian Cameron Highlands terjejas sebelum ini.

“
Lebih 580 pekebun mendiami kawasan Kampung Raja Ee Mong
”

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/6/2021	HARIAN METRO	LOKAL	4



SEBAHAGIAN daripada whey protein yang dirampas Maqis di Pasir Gudang.

Maqis merampas 20 tan *whey protein*

Pasir Gudang: Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Johor menahan satu kontena dengan whey protein (*deproteinized whey*) seberat 20 tan dari Amerika Syarikat di Pelabuhan Pasir Gudang di sini, kelmarin.

Pengarah Maqis Johor, Hizzuan Hasim berkata, rampasan dibuat selepas anggota penguat kuasanya menjalankan pemeriksaan kontena itu pada jam 3.30 petang.

Katanya, hasil pemeriksaan mendapati nombor perakuan dinyatakan di

dalam sijil kesihatan yang dikemukakan adalah tidak diiktiraf Maqis.

“Semua konsainan berkenaan dengan berat kira-kira 20 tan yang bernilai RM65,615.80 ditahan untuk tindakan lanjut.

“Perbuatan mengimport apa-apa jenis keluaran pertanian dengan memberikan permit, lesen, perakuan atau dokumen palsu, tidak tepat atau mengelirukan Maqis adalah suatu kesalahan di bawah Seksyen 13 Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728],” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/6/2021	SINAR HARIAN	NEGERI PERLIS/ JOHOR/PERAK	28

Maqis rampas 20,000 kilogram susu protein dari Amerika

PASIR GUDANG - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Johor berjaya menggagalkan cubaan membawa masuk 20,000 kilogram (kg) susu protein dari Amerika di Pelabuhan Pasir Gudang di sini pada Rabu.

Pengarah Maqis Johor, Hizzuan Hasim berkata, pihaknya telah menahan sebuah kontena yang membawa *deproteinized whey* atau susu protein semasa pemeriksaan dibuat pada jam 3.30 petang.

"Hasil pemeriksaan lanjut mendapati nombor *establishment* yang dinyatakan di dalam Sijil Kesihatan Veterinar yang dikemukakan disyaki tidak diiktiraf oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan Maqis.

"Kesemua konsainan berkenaan dengan berat kira-kira 20,000kg yang bernilai RM65,615 telah ditahan untuk tindakan lanjut," katanya dalam satu kenyataan pada Khamis.

Menurut beliau, perbuatan mengimport apa-apa jenis keluaran pertanian dengan memberikan permit, lesen, perakuan atau dokumen lain yang palsu, tidak tepat atau mengelirukan kepada Maqis adalah menjadi suatu kesalahan di bawah Seksyen 13 Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).

"Jika disabitkan kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali.

"Pihak Maqis sentiasa komited menjalankan penguatkuasaan undang-undang dan akan terus diperkasakan lagi di semua pintu masuk negara bagi memastikan kawalan penyakit ikan, haiwan, tumbuhan dan jaminan keselamatan makanan terpelihara serta mematuhi syarat dan peraturan yang telah ditetapkan," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/6/2021	THE EDGE MARKET	ONLINE	

Lockdown: FAMA sets up Crisis Management Centre



PUTRAJAYA (June 17): The Federal Agricultural Marketing Authority (FAMA) has set up a Crisis Management Centre, which operates from 8am to 7pm, to ensure the smooth running of marketing activities of agricultural products during the total lockdown period.

In a statement today, FAMA said farmers who were having problems marketing their agricultural products can visit its Feedback System portal

at <http://ffs.fama.gov.my/aduan/index.php> or contact FAMA hotline at 019-7476754, 013-3777100 and 010-7632684.

“The Agriculture and Food Industries Ministry (MAFI) has taken various approaches, especially in ensuring the smooth running and continuity of the country’s food supply chain, including the issue of dumping, movement letters and implementation of 42 Controlled Fresh Markets nationwide,” the statement read.

Yesterday, Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee said the Cabinet meeting has agreed to allow the agriculture sector and its chain to operate at all times including in areas placed under the Enhanced Movement Control Order.

Ronald said this was in line with the Government’s decision to place the agriculture, fisheries and livestock sector and their supply chain as essential services which were allowed to operate at all times, subject to the standard operating procedures stipulated by the National Security Council.

Meanwhile, FAMA today handed over the ‘MAFI Prihatin’ aid to Pertubuhan Kebajikan Ihsan Wanita Islam (PERWIKISA), which was presented by the National Association of Wives of Civil Servants and Women Civil Servants (Puspanita) chairman Datin Sabariah Othman.

“The contribution in the form of agricultural products such as vegetables and fruits is a continuity of the MAFI Prihatin programme which aims to ease the burden of those affected by Covid-19 through charity organisations,” it said.

FAMA said the programme could also assist farmers who experienced overproduction and marketing problems during the implementation of the total lockdown.

Among the agricultural commodities contributed through the MAFI Prihatin programme are red chillies, sweet pumpkins and bananas totalling 500 kg.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/6/2021	KL SCREENER	ONLINE	

Lockdown: FAMA sets up Crisis Management Centre

PUTRAJAYA (June 17): The Federal Agricultural Marketing Authority (FAMA) has set up a Crisis Management Centre, which operates from 8am to 7pm, to ensure the smooth running of marketing activities of agricultural products during the total lockdown period.

In a statement today, FAMA said farmers who were having problems marketing their agricultural products can visit its Feedback System portal at <http://ffs.fama.gov.my/aduan/index.php> or contact FAMA hotline at 019-7476754, 013-3777100 and 010-7632684.

“The Agriculture and Food Industries Ministry (MAFI) has taken various approaches, especially in ensuring the smooth running and continuity of the country’s food supply chain, including the issue of dumping, movement letters and implementation of 42 Controlled Fresh Markets nationwide,” the statement read.

Yesterday, Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee said the Cabinet meeting has agreed to allow the agriculture sector and its chain to operate at all times including in areas placed under the Enhanced Movement Control Order.

Ronald said this was in line with the Government’s decision to place the agriculture, fisheries and livestock sector and their supply chain as essential services which were allowed to operate at all times, subject to the standard operating procedures stipulated by the National Security Council.

Meanwhile, FAMA today handed over the ‘MAFI Prihatin’ aid to Pertubuhan Kebajikan Ihsan Wanita Islam (PERWIKISA), which was presented by the National Association of Wives of Civil Servants and Women Civil Servants (Puspanita) chairman Datin Sabariah Othman.

“The contribution in the form of agricultural products such as vegetables and fruits is a continuity of the MAFI Prihatin programme which aims to ease the burden of those affected by Covid-19 through charity organisations,” it said.

FAMA said the programme could also assist farmers who experienced overproduction and marketing problems during the implementation of the total lockdown.

Among the agricultural commodities contributed through the MAFI Prihatin programme are red chillies, sweet pumpkins and bananas totalling 500 kg.

Headline	Fama to address Cameron Highlands vegetable price hike, says deputy minister II		
MediaTitle	Tamil Malar		
Date	18 Jun 2021	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	22,000
Page No	5	Readership	180,000
Language	Tamil	ArticleSize	149 cm ²
Journalist	NULL	AdValue	RM 766
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,298



காய்கறிகளின் விலை உயர்வு பிரச்சினைக்கு அரசு விரைவில் தீர்வு காணும்

பினாங்கு, ஜூன் 18-
கேமரன் மலையில், கடுமையாக்கப்பட்ட நடமாட்டக் கட்டுப்பாட்டு உத்தரவு, பி.கே.பி.டி. அமல்படுத்தப்பட்டதைத் தொடர்ந்து, உற்பத்தி உடனடியாக நிறுத்தப்பட்டதால், கடந்த திங்கட்கிழமை முதல், தக்காளி, ஜப்பான் வெள்ளரிக்காய், மிளகாய், முட்டைகோஸ், பீன்ஸ், குடை மிளகாய் போன்ற சில காய்கறிகளின் விலை 30 லிருந்து 40 விழுக்காடு வரை உயர்வு கண்டிருக்கிறது. இதற்கு தீர்வுகாண, விவசாய மற்றும் உணவு தொழில்துறை

அமைச்சு, கூட்டரசு விவசாய சந்தை வாரியமான, FAMA-வுடன் இணைந்து சில நடவடிக்கைகளை மேற்கொண்டு வருகிறது. இதன் தொடர்பில், உற்பத்தியாளர் முதல் பயனீட்டாளர் வரை அனைத்து நிலைகளிலும் எழும் பிரச்சனைக்குத் தீர்வுகாணப்படும் என்று விவசாய மற்றும் உணவு தொழில்துறை அமைச்சின் இரண்டாவது துணை அமைச்சர் டத்தோ செ அப்துல்லா யாட் நாவி உறுதியளித்திருக்கிறார். விவசாயத்துறை முக்கிய சேவையாக

வகைப்படுத்தப்பட்டுள்ளதை சுட்டிக் காட்டிய அவர், அது வழக்கம்போல் தொடரப்பட வேண்டும் என்று கூறினார். கேமரன் மலையில், பி.கே. அமல்படுத்தப்பட்டதைத் தொடர்ந்து, உற்பத்தி உடனடியாக நிறுத்தப்பட்டதால், கடந்த திங்கட்கிழமை முதல், தக்காளி, ஜப்பான் வெள்ளரிக்காய், மிளகாய், முட்டைகோஸ், பீன்ஸ், குடை மிளகாய் போன்ற சில காய்கறிகளின் விலை 30 லிருந்து 40 விழுக்காடு வரை உயர்வு கண்டிருக்கிறது. எனினும், அதன் செயல்பாடுகள் பி.கே.பி., பி.கே.பி.டி. போன்றவற்றின் ஆயலாக்கத்தின் காரணமாக வேறுபடும் சாத்தியம் இருப்பதாகவும் அவர் குறிப்பிட்டார்.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/6/2021	HARIAN METRO	BISNES	23

Agrobank lulus pembiayaan RM174j

Kuala Lumpur: Agrobank menyifatkan pelaksanaan Pelan Pemulihan Negara (PPN) yang diumumkan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin pada 15 Jun lalu sebagai selari dengan pelan pemulihan Agrobank dalam menyokong pelanggan perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

Penanggung Tugas Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Khadijah Iskandar berkata, sejak tahun 2020, Agrobank mengumumkan bulan Jun sebagai Bulan PKS Agrobank.

“Matlamatnya adalah untuk mengetengahkan kepentingan dan sumbangan besar sektor PKS, khususnya pengusaha dalam perniagaan agro terhadap kehidupan, komuniti dan ekonomi melalui pelbagai program yang telah dijalankan oleh Agrobank.

“PKS adalah tulang belakang kepada sektor ekonomi negara. Kami percaya bahawa, sumbangan mereka kepada ekonomi harus dihargai, dan mengetengahkan bagaimana PKS menghadapi perubahan landskap perniagaan dan Pelan Pemulihan Negara berjaya menangani perkara ini,” katanya da-



KHADIJAH

lam satu kenyataan.

Menurutnya, sehingga Mei 2021, Agrobank meluluskan pembiayaan berjumlah RM174 juta kepada 14,610 usahawan mikro dan PKS di bawah pakej rangsangan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (Penjana).

“Agrobank akan terus menyokong pelanggan kami menerusi pelbagai inisiatif yang ditawarkan kerajaan. Sebagai institusi kewangan, yang sentiasa mengutamakan kesejahteraan dan kemajuan komuniti dalam industri pertanian, adalah menjadi tanggungjawab kami untuk membantu pelanggan kami yang berhadapan masalah kewangan,” katanya.

農業部:全天和100%員工投入 稻農米廠業准全力運作

(吉隆坡17日讯)所有与稻农和米厂相关的行业,皆获准在6月15日至28日的次轮全面封锁期间,以24小时以及100%的员工量进行运作。

农业及食品工业部今日发表文告指出,这是为了确保稻米和白米的生产不会在MCO 3.0期间受到影响,并保证国内的米库存量充足。

农业及食品工业部表示,该部也对稻米管理的标准作业程序(SOP),包括种植活动、耕种和收割、稻田维护和灌溉的事项进行了改善。

“同时,也使用无人机进行播种和喷洒农药;向农民分发农作物品,如肥料和种子;米厂和包装厂的经营;分销和物流以及以白米产品加工厂的SOP,也将被改善。”

农业及食品工业部也透

露,雪兰莪西北综合农业发展区(IADA)将与雪兰莪农业部合作,对班章本德那(Panchang Bedena),峇眼德腊(Bagan Terap)以及双溪班让(Sungai Panjang)地区的稻田进行综合虫害防治。

文告指出,这些地区的稻田在5月中旬遭遇了虫害问题,受影响的稻田面积达6632.4公顷,占总面积的98%。

文告表示,农业及食品工业部长拿督斯里罗纳建迪今日也前往了受影响的地区视察,并确保有关问题将得到妥善解决。“农业及食品工业部将通过稻谷灾害基金,依据评估向受影响的农民提供援助,也对雪州政府捐献105万令吉,以协助解决虫害的问题表示感激。”

副農長：免影響糧食供應鏈

“速讓農民接種”

(哥打峇魯17日訊) 農業及食品工業部副部長拿督仄阿都拉希望，政府加速對國內農業前線人員的冠病疫苗接種，以確保國內糧食供應鏈不受影響。

他說，該部門已向科學、工藝及革新部提出上述建議。

他今天在丹州農業局出席“2021年全國農業發展線上研討會”時，如是表示。

与此同时，該部門也積極協助農民注冊MySejahtera，有需求的農民可前往各地農業局尋求協助。

他指出，上述線上研討會是為順應新常態，旨在加強農業部人員對種植技術的掌握和進一步了解。

他也說，農業食品行業在全面封鎖期面臨重大挑戰，糧食供應鏈的平穩運行受到干擾，但政府已設法確保情況受到控制，如今國內糧食供應是充足的。

他表示，農業部會繼續確保國內糧食生產和食用安全。

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/6/2021	SIN CHEW DAILY	ONLINE	

全面封锁 | 稻农和米厂相关行业 获准24小时 100%员工运作

即时国内

+ 关注

广告

(吉隆坡17日讯) 所有与稻农和米厂相关的行业，皆获准在6月15日至28日的次轮全面封锁期间，以24小时以及100%的员工量进行运作。

农业及食品工业部今日发表文告指出，这是为了确保稻米和白米的生产不会在MCO 3.0期间受到影响，并保证国内的米库存量充足。

农业及食品工业部表示，该部也对稻米管理的标准作业程序 (SOP)，包括种植活动、耕种和收割、稻田维护和灌溉的事项进行了改善。

“同时，也使用无人机进行播种和喷洒农药；向农民分发农作物，如肥料和种子；米厂和包装厂的经营；分销和物流以及以白米产品加工厂的SOP，也将被改善。”

农业及食品工业部也透露，雪兰莪西北综合农业发展区 (IADA) 将与雪兰莪农业部合作，对班章本德那 (Panchang Bedena)，峇眼德腊 (Bagan Terap) 以及双溪班让 (Sungai Panjang) 地区的稻田进行综合虫害防治。

文告指出，这些地区的稻田在5月中旬遭遇了虫害问题，受影响的稻田面积达6632.4公顷，占总面积的98%。

文告表示，农业及食品工业部长拿督斯里罗纳建迪今日也前往了受影响的地区视察，并确保有关问题将得到妥善解决。

“农业及食品工业部将通过稻谷灾害基金，依据评估向受影响的农民提供援助，也对雪州政府捐献105万令吉，以协助解决虫害的问题表示感谢。”

广告

100 pesawah bimbang padi rosak

Oleh Zaid Mohd. Noor
zaid.noor@mediamulla.com.my

PADANG TERAP: Kira-kira 100 pesawah di kawasan seluas 200 hektar di kaki Puncak Janing di sini bimbang tanaman padi mereka terjejas jika aktiviti pembalakan di Hutan Simpan Lipur Bukit Perangin dilakukan di kawasan tersebut.

Kerja-kerja pembalakan boleh merosakkan tanaman kerana kawasan sawah menggunakan air yang dibekalkan dari Puncak Janing.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Mohamad Nazrin Zainon, 41, berkata, kawasan tanaman padi menggunakan sumber air dari Puncak Janing itu meliputi Kampung Pasir Putih, Kampung Tengah, Kampung Baru, Kampung Masjid, Kampung Labi, Kampung Bendang Raja dan Pengkalan Tok Putih di sini.

Menurutnya, penduduk percaya bekalan air dari Puncak Janing itu akan keruh dan bersekitar sekiranya aktiviti pembalakan dijalankan.

"Keadaan tersebut mengancam padi yang diusahakan ke-



MOHAMMAD NAZRIN ZAINON menunjukkan kawasan sawah padi yang diusahakan penduduk di Kampung Baru, Kuala Nerang. Padang Terap yang dikhuatiri rosak apabila ada aktiviti pembalakan.

rana selama ini bergantung kepada sumber bekalan air Puncak Janing," katanya.

Pada 16 Jun lalu, *Utusan Malaysia* melaporkan lebih 1,000 penduduk di tiga buah kampung di Kuala Nerang di sini mendakwa terpaksa menggunakan air keruh bagi keperluan harian se-

lepas kolam tadahan air bukit di Taman Eko Rimba (TER) juga di Puncak Janing tercemar.

Penduduk di tiga kampung terbabit iaitu Kampung Pasir Putih, Kampung Tengah dan Kampung Baru mendakwa pencemaran tersebut berlaku akibat aktiviti penyelenggaraan

sejumlah pokok dilakukan di kawasan hutan simpan tersebut sebelum ini.

"Walaupun Jabatan Pertahanan Negeri Kedah (JPNK) telah mengarahkan pembersihan jalan balak lama dihentikan sertamerta, namun mereka bimbang pembalakan akan dijalankan selepas ini," katanya.

Katanya, penduduk meminta JPNK memberi jaminan tidak akan berlaku aktiviti pembalakan di kawasan hutan berkenaan selepas ini demi menjaga kualiti air di Puncak Janing.

Sementara itu, Pengerusi Perhubungan Perlindungan Khazanah Alam (PEKA) Kedah, Mohd. Sobri Ramlee berkata, pihaknya menerima aduan penduduk yang bimbang tidak dapat meneruskan penanaman padi sekiranya aktiviti pembalakan tersebut dijalankan.

Jelasnya, penduduk tidak mahu kawasan sawah mereka dipenuhi setub dari kawasan pembalakan.

"JPNK perlu melakukan Kajian Impak Sosial (SIA) sebelum aktiviti pembalakan diluluskan," katanya.

dan membersihkan jalan balak lama di kawasan Hutan Simpan Lipur Bukit Perangin.

Mohammad Nazrin menambah, mereka tidak menolak kemungkinan aktiviti pembalakan akan dilakukan di kawasan hutan simpan itu berdasarkan kerja-kerja tanda garisan pada